

14/07/1999

Teknologi generasi baru asas bentuk masyarakat

Hizral Tazzif Hisham

MASYARAKAT bermaklumat semakin menghampiri kenyataan berdasarkan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat berkenaan.

Teknologi generasi terbaru yang akan menjadi asas kepada pembentukan masyarakat maklumat ialah perubahan ke arah cip tunggal bagi peralatan, telefon berasaskan web, sistem rangkaian untuk penghantaran suara, lebih banyak syarikat menawarkan kemudahan perkhidmatan.

Selain itu, program pengaturcara Java menjadi program universal, produk perisian digantikan kepada penyedia perkhidmatan aplikasi, Sistem Rangkaian Tempatan (LAN) dan firewalls tidak lagi dimanfaatkan manakala Intranet dan ekstranet menjadi Internet.

Ketua Saintis dan Pengarah di Pejabat Sains Sun Microsystems Corp, Dr John Gage, berkata perkembangan pesat ICT membolehkan maklumat disalurkan kepada khalayak dengan cepat dan pantas.

"Di tahun-tahun yang akan datang ini, industri teknologi maklumat bakal menyaksikan perubahan kepada komputer generasi baru berasaskan cip tunggal. Berdasarkan kemajuan yang sudah berlaku di Koridor Raya Multimedia (MSC), saya tidak terkejut jika ia akan dihasilkan di sini," katanya di Seri Kembangan, minggu lalu.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramahnya bertajuk Membangunkan Masyarakat Bermaklumat Alaf Depan di forum anjuran Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan Sun Microsystems Corp.

Gage yang juga turut menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor (MSC) berkata, Malaysia akan menjadi contoh kepada negara lain di seluruh dunia bagaimana corak masyarakat bermaklumat alaf depan dibangunkan.

"Ini kerana tidak ada negara lain yang dapat menyamai langkah negara ini dengan menyediakan pelbagai infostruktur sebagai persiapan membentuk masyarakat bermaklumat," katanya.

Menurutnya, berdasarkan kemajuan sedia ada di MSC dan komitmen kerajaan terhadap projek itu, tidak mustahil penemuan terbaru teknologi IT akan terhasil di sini.

Beliau berkata, pengalaman masa lalu membuktikan kebanyakan penemuan baru dalam sistem rangkaian IT dibuat pelajar atau mahasiswa universiti yang lebih kreatif dan inovatif.

"Misalnya, protokol bagi Internet, yang kini menjadi sistem rangkaian komunikasi utama dunia dicipta Vincent Cerf dan Philip Kahn ketika masih menuntut di universiti manakala pelayar Mosaic bagi WWW dihasilkan Marc Anderssen," katanya .

Gage berkata, penubuhan Universiti Multimedia (UMM) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kena pada masanya dan menyifatkannya sebagai asas melahirkan pakar IT untuk masa depan negara.

(END)